

ABDULLAH - PENUNTUT

(1)

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1984
TOWNSVILLE, 11 OGOS (BERNAMA) -- AUSTRALIA BERSETUJU UNTUK MENAMBAH TEMPAT DI PUSAT-PUSAT PENGAJIAN TINGGINYA KEPADA PARA PENUNTUT MALAYSIA- KATA MENTERT PELAJARAN DATUK ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI DI SINI HARI INI.

PERSETUJUAN TERSEBUT DINYATAKAN KEPADA BELIAU OLEH RAKAN SEJAWATNYA DI SINI SENATOR SUSAN RYAN DALAM RUNDINGAN MEREKA DI, CANBERRA SEMALAM.

DATUK ABDULLAH YANG MENGIRINGI PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM LAWATAN RASMINYA KE AUSTRALIA BERKATA BELIAU SANGAT PUASHATI DENGAN CARA AUSTRALIA BERTINDAK BALAS TERHADAP PERMINTAAN-PERMINTAAN MALAYSIA.

WALAUPUN MENTERI ITU TIDAK MEMBERIKAN BUTIR-BUTIR LANJUT, ADALAH DIFAHAMKAN PENAMBAHAN PENGAMBILAN PENUNTUT MALAYSIA OLEH AUSTRALIA AKAN MENGURANGKAN BEBAN NEGARA Mencari PELUANG-PELUANG PELAJARAN DI TEMPAT-TEMPAT LAIN.

SEBELUM INI, TERDAPAT SEDKIT SALAH ANGGA PANDI MALAYSIA MENGENAI DASAR-DASAR LUAR AUSTRALIA TERHADAP PENUNTUT ASING BERIKUTAN SYOR-SYOR YANG DIKEMUKAKAN OLEH DUA LAPORAN YANG QEDANG DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN AUSTRALIA SEKARANG.-- LAGI
1648MST 11 08 84

0493

R B913 BAH EMA

ABDULLAH - PENUNTUT 2 TOWNSVILLE

LAPORAN-LAPORAN TERSEBUT IALAH +GOLDRING REPORT+ DAN +THE JACKSON REPORT+ YANG ISINYA DISIFATKAN OLEH PARA PEGAWAI MALAYSIA SEBAGAI TIDAK BEGITU MENGGALAKKAN.

TEKANAN UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK TEMPAT UNTUK BELAJAR MAT DIRASAI OLEH MALAYSIA SEJAK BEBERAPA TAHUN LALU KERANA TEMPAT YANG TERHAD DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN UNTUK MENAMPUNG PERMINTAAN YANG BERTAMBAH DAN KENAIKAN KOS PELAJARAN DI BRITAIN, KIBLAT TRADISI PARA PENUNTUT MALAYSIA,

4 DA KIRA-KIRA 58,000 PENUNTUT MALAYSIA DI AUSTRALIA, BRITAIN* AMERIKA SYARIKAT, KANADA, INDIA DAN LAIN-LAIN NEGARA SEKARANG BERBANDING DENGAN 52,000 DI UNIVERSITI-UNIVERSITI DI MALAYSIA.

SEBELUM INI KERAJAAN AUSTRALIA MENCUMUMKAN KEPUTUSANNYA UNTUK MEMBERI TEMPAT KEPADA 1,713 ORANG PENUNTUT MALAYSIA DARIPADA KUOTA 3,000 YANG DITETAPKAN BAGI PARA PENUNTUT ASING TAHUN DEPAN.

PERDANA MENTERI AUSTRALIA ENCIK BOBHAWKE MEMBERI JAMINAN KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA MEREKA BERUNDING DUA HARI LALU BAHAWA KERAJAANNYA TIDAK AKAN MENGAMBIL SEBARANG LANGKAH SEBELAH PIHAK MENGENAI PERKARA-PERKARA BERKAITAN PELAJARAN YANG BOLEH MENJEJASKAN MALAYSIA.-- LAGI

MESYUARATSEMALAM ANTARA DATUK ABDULLAH DAN SENATOR RYAN MERUPAKAN SUSULAN TERHADAP RUNDINGAN-RUNDINGAN TERDAHULU YANG DIADAKAN OLEH KEDUA-DUA PERDANA MENTERI.

DATUK ABDULLAH BERKATA SENATOR RYAN JUGA MEMBANGKITKAN SOAL MENGAGIHKAN PARA PENUNTUT MALAYSIA KE LAIN-LAIN UNIVERSITI DI AUSTRALIA DARIPADA MENUMPUKAN KEPADA BEBERAPA INSTITUSI TRADISIONAL SEPERTI SEKARANG.

DATUK ABDULLAH BERKATA BELIAU MEMBERITAHU SENATOR RYAN BAHAWA INI AKAN DILAKUKAN SEBAIK SAHAJA MASALAH PENGIKTIRAFAN INSTITUSI-INSTITUSI BUKAN TRADISIONAL ITU DIBERESKAN.

KATANYA SUNGGUHPUN IA SATU PERKARA YANG PERLU DIPUTUSKAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA SENDIRI. NAMUN IA BUKANNYA +MUDAH+ KERANA PERKARA TERSEBUT JUGA MELIBATKAN LAIN-LAIN BADAN TERUTAMA APABILA KELULUSAN YANG HENDAK DI IKTIRAF ITU BERCORAK PROFESIONAL SEPERTI PERUBATAN, KEJURUTERAAN DAN SENIBINA.

+TIADA GUNANYA KITA MENGIKTIRAF IJAZAH-IJAZAH TERSEBUT JIKA BADAN-BADAN PROFESIONAL BERKENAAN TIDAK BERSEDIA UNTUK MENERIMA PARA GRADUAN TERSEBUT SEBAGAI ANGGOTA MEREKA. +KATANYA. -- BERNAMA --